

Perumahan HDB lebih mesra masyarakat, berdaya tahan

LEMBAGA Perumahan dan Pembangunan (HDB) telah menandatangani dua perjanjian baru dengan institusi penyelidikan bagi meneroka cara meningkatkan produktiviti pembinaan serta mengukuhkan semangat kemasyarakatan di estet perumahan.

Secara keseluruhan, pemerintah menyalurkan \$10.7 juta kepada dua penyelidikan itu.

Antaranya ialah perjanjian \$6 juta bersama Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD) bagi mengkaji konsep 'kampung bandar baru'.

Berucap di pembukaan Forum Perumahan Antara-bangsa semalam, Menteri Pembangunan Negara, Encik Lawrence Wong, berkata HDB sedang mengkaji cara merancang ruang awam yang lebih baik di kawasan perumahan bagi menggalak lebih banyak interaksi sosial.

► Salur \$10.7j bagi penyelidikan bersama SUTD, NTU
► Kaji konsep 'kampung bandar baru', manfaatkan analisis data, alat deria bijak dan automasi

"Itulah yang kami cuba capai: mempunyai reka bentuk lebih baik yang menghimpunkan orang ramai dan memperkuat semangat kampung di flat HDB kami yang bertingkat tinggi," katanya.

Bagi mencapai matlamat itu, HDB dan SUTD akan menggunakan analisis data untuk menyorot perkembangan bandar HDB serta tingkah laku penduduk dan respons mereka terhadap persekitaran

hidup mereka.

"Ini akan membantu kami memahami penduduk dan masyarakat dengan lebih baik, supaya kami boleh menyesuaikan reka bentuk perumahan seiring dengan perubahan keperluan dan aspirasi penduduk kami," kata Encik Wong.

Satu lagi kerjasama ialah perjanjian \$4.7 juta dengan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) bagi mem-

bangunkan Sistem Pembinaan Bersepadu Bijak.

Melalui penggunaan alat deria bijak dan automasi, penyelidikan itu bertujuan mengubah proses kerja pembinaan tradisional dan meningkatkan produktiviti dalam sektor tersebut, yang sangat bergantung pada tenaga kerja asing.

Salah satu cirinya ialah ruang data digital pusat yang membolehkan pihak dalam rantai bekalan pembinaan log masuk maklumat masa nyata dan mengemas kini kemajuan projek dari pelbagai lokasi.

"Ini memperkemas maklumat dan mempercepat perkongsian data dalam kalangan pelbagai rakan kongsi, termasuk arkitek, kontraktor, prakastor (*pre-caster*) dan pembekal bahan pembinaan, lantas membolehkan mereka memantau bajet dan garis masa dengan lebih baik," kata HDB dalam satu kenyataan.